



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

PELANTIKAN DR FARAH NINI DUSUKI SEBAGAI PESURUHJAYA KANAK-KANAK KEPADA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)

Bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan Dr. Farah Nini Dusuki sebagai Pesuruhjaya Kanak-Kanak kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia.

Pelantikan ini mengiktirafkan kelayakan serta pengetahuan beliau dalam bidang hak asasi manusia dan undang-undang kanak-kanak. Saya yakin bahawa pelantikan beliau sebagai Pesuruhjaya Kanak-Kanak adalah tepat dan bersesuaian dengan pengalaman yang dimiliki beliau selama 30 tahun.

Peranan beliau sebagai Pesuruhjaya Kanak-Kanak amatlah penting demi memperjuangkan hak kanak-kanak, memastikan suara mereka didengari serta membantu mencipta masa depan yang selamat dan sejahtera bagi setiap kanak-kanak di Malaysia. KPWKM sedia bekerjasama rapat untuk memastikan hak kanak-kanak sentiasa dipelihara dan kami percaya bahawa ini adalah permulaan ke arah yang progresif bagi menangani isu kanak-kanak.

Sekian, terima kasih.

DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
10 MAC 2023